



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 1 TAHUN 2024

---

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

#### **PELAKSANAAN URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN BAGI CALON LANTIKAN SECARA KONTRAK (INTERIM)**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan urusan pengesahan pelantikan bagi calon yang dilantik secara kontrak (Interim).

## **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan supaya suatu kaedah baharu bagi lantikan tetap pegawai perkhidmatan awam diperkenalkan ke arah mengukuhkan lagi sistem saraan perkhidmatan awam. Keputusan ini diambil untuk memastikan kemampuan kewangan Kerajaan bagi jangka masa panjang. Sehubungan itu, pengambilan pegawai perkhidmatan awam baharu secara lantikan kontrak (Interim) dilaksanakan mulai 1 Februari 2024. Langkah ini bersifat sementara ke arah pelaksanaan suatu kaedah baharu lantikan tetap pegawai perkhidmatan awam.

3. Calon yang dilantik menerusi lantikan kontrak (Interim) akan dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam yang akan dimuktamadkan kelak. Lantikan ke jawatan tetap adalah tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan.<sup>1</sup>

## **PERATURAN YANG BERKUAT KUASA**

4. Peraturan 20(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] menetapkan setiap calon yang akan dilantik ke perkhidmatan awam hendaklah diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar, membuat suatu akuan berkanun di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 (Akta 13) dan menandatangani Surat Aku Janji berdasarkan Peraturan 20(3), P.U.(A) 1/2012.

---

<sup>1</sup> Siaran Media Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 24 Januari 2024

5. Peraturan 20(5), P.U.(A) 1/2012 memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh membatalkan tawaran pelantikan jika calon didapati tidak sihat atau tidak mematuhi syarat dalam akuan berkanun atau tidak menandatangani Surat Aku Janji.

## **PELAKSANAAN URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN**

6. Calon yang dilantik secara tetap dan kontrak (Interim) yang telah menerima tawaran pelantikan, melapor diri bertugas, memenuhi semua syarat pelantikan yang dinyatakan dalam P.U.(A) 1/2012 dan surat tawaran pelantikan adalah layak disahkan pelantikan.

7. Urusan pengesahan pelantikan perlu dilaksanakan berdasarkan Peraturan 20(1) dan 20(3), P.U.(A) 1/2012 dengan mengambil kira bahawa calon yang dilantik secara kontrak (Interim) boleh dipertimbangkan untuk tujuan pelantikan secara tetap.

8. Sehubungan itu, urusan pengesahan pelantikan hendaklah dibuat melalui Modul Pengesahan Pelantikan dalam *Integrated Service and Disciplinary System* (TERAS). Ketua Jabatan hendaklah memastikan calon telah mematuhi syarat-syarat pelantikan seperti berikut:

- (i) diperakui sihat oleh pengamal perubatan berdaftar dalam Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam;
- (ii) memenuhi semua syarat dalam akuan berkanun;
- (iii) melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan; dan
- (iv) menandatangani Surat Aku Janji.

9. Sekiranya calon tidak memenuhi syarat pelantikan yang dinyatakan, calon hendaklah ditangguhkan daripada melaporkan diri bertugas dan maklumat berkenaan hendaklah dikemukakan melalui Modul Penentuan Status Tawaran dalam TERAS kepada Suruhanjaya bagi tujuan penentuan status tawaran pelantikan sama ada mengekal atau membatalkan tawaran pelantikan calon. Suruhanjaya menetapkan tarikh calon melapor diri adalah selepas Suruhanjaya membuat keputusan penentuan status tawaran pelantikan.

10. Ketua Jabatan boleh menamatkan perkhidmatan pegawai kontrak (Interim) yang telah diberikan pengesahan pelantikan mengikut Klausula 8 atau 9, Borang Perjanjian Pegawai Kontrak [Lampiran I, Ceraian UP.1.1.1: Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*Contract of Service*)] jika pegawai tersebut telah melakukan perkara-perkara berikut:

- (i) menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya dalam Borang Permohonan Pemeriksaan Perubatan Untuk Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam;
- (ii) membuat akuan palsu dalam akuan berkanun sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan 20(1)(b), P.U.(A) 1/2012;
- (iii) gagal menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan 20(3), P.U.(A) 1/2012; atau
- (iv) meminda atau memalsukan apa-apa dokumen yang berhubung dengan pelantikannya.

## PEMAKAIAN

11. Pelaksanaan pengesahan pelantikan ini adalah bagi pelantikan secara kontrak (Interim) dan tidak terpakai kepada pelantikan kontrak (*Contract of Service*).

## TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ditandatangani.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)**

Setiausaha

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Malaysia

6 Jun 2024